

24/01/2004

Dr M nafi jumpa Pak Lah bincang hal Umno, BN

Wan Jailani Razak

LANGKAWI: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau tidak pernah menemui Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi khusus bagi membincangkan hal ehwal Umno dan Barisan Nasional (BN).

Dr Mahathir berkata, pertemuannya dengan Perdana Menteri sebelum ini hanya berlaku apabila kedua-dua mereka hadir pada satu majlis yang sama.

"Saya jarang jumpa Pak Lah pun... cuma bila ada `function' saya jumpa dia. Nak kata saya jumpa dengan dia bincang pasal parti, tak pernah," katanya ketika ditemui di Telaga Harbour Park, Pantai Kok, di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai dakwaan pembangkang yang beliau masih mempengaruhi keputusan kerajaan, terutama dalam pemilihan Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri, 7 Januari lalu.

Dr Mahathir yang bersara pada 31 Oktober lalu berkata, beliau tidak pernah mempengaruhi keputusan kerajaan kerana tetap dengan keputusannya yang mahu berundur daripada kerajaan.

"Saya dah kata saya undur diri, saya undur diri. Saya bukan senior minister (menteri kanan)," katanya.

Presiden Parti Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dalam reaksi balasnya mengenai pelantikan Najib pada 7 Januari lalu berkata, pelantikan Najib jelas mengikut pilihan bekas Perdana Menteri.

"Walaupun ada muka baru, tetapi tidak ada sebarang perubahan sebenarnya kerana pilihan serta dasar bekas PM masih menjadi ikutan," kata Dr Wan Azizah.

Ditanya mengenai kenyataan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain sebelum ini yang menyebut Dr Mahathir akan dilantik sebagai penasihat BN Kedah, Dr Mahathir berkata, beliau sedia membantu.

"Kalau dia (Syed Razak) sudah buat pengumuman, saya kena jadilah... advisor (penasihat). Saya akan tolong ikut mana pun. Saya dah janji dulu saya akan tolong, saya tolonglah, Apa yang saya janji, saya tunaikan. Saya tak pernah buat janji kosong," katanya.

Syed Razak yang juga Pengerusi BN Kedah kelmarin berkata, Dr Mahathir sudah menerima pelawaan daripada pihaknya untuk menjadi penasihat kepada jentera gerak kerja pilihan raya di negeri ini.

Mengenai nasihatnya kepada jentera BN Kedah, Dr Mahathir berkata, mereka perlu bekerja kuat bagi memastikan kemenangan BN dan beliau sendiri akan membantu dengan memberikan penerangan.

Mengenai ramalan terbaru pembangkang yang pilihan raya umum akan diadakan pada Mac ini, beliau berkata, sesiapa pun boleh membuat ramalan mengenai tarikh pilihan raya kerana itu hak mereka tetapi hak kerajaan adalah menentukannya.

Terdahulu, Dr Mahathir dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada jam 9.35 pagi semalam untuk berehat.

Ketibaan beliau disambut Pegawai Daerah, Datuk Rasli Basir dan Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Anwar Abdul Rahman.